



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA

KEMUDAHAN PERUBATAN

VERSI 1.0 (2024)

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

Diedarkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

KANDUNGAN

| | PERKARA | MUKA SURAT |
|--|--|-------------------|
| TUJUAN | | 1 |
| LATAR BELAKANG | | 1 |
| PELAKSANAAN | | 2 |
| TARIKH BERKUAT KUASA | | 4 |
| PEMBATALAN | | 4 |
| PEMAKAIAN | | 4 |
| LAMPIRAN I | Senarai Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Edaran Yang Dibatalkan | 1-1 |
| <u>Perbelanjaan Kemudahan Perubatan</u> | | |
| CERAIAN SR.2.1.1 | Permohonan Perbelanjaan Bagi Kemudahan Perubatan | 7 |
| Lampiran SR.2.1.1(A) | Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Pembekalan Ubat | 1-1 |
| Lampiran SR.2.1.1(B) | Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Pembekalan Alat` | 2-1 |
| Lampiran SR.2.1.1(C) | Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Perkhidmatan Perubatan | 3-1 |
| Lampiran SR.2.1.1(D) | Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan Penyakit Buah Pinggang | 4-1 |
| Lampiran SR.2.1.1(E) | Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan Kemandulan | 5-1 |
| Lampiran SR.2.1.1(F) | Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan Kepakaran | 6-1 |

| | PERKARA | MUKA SURAT |
|--|--|-----------------------|
| Lampiran SR.2.1.1(G) | Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) Sdn Bhd. | 7-1 |
| Lampiran SR.2.1.1(H) | Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan Kecemasan | 8-1 |
| Lampiran SR.2.1.1(I) | Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan di Luar Negeri | 9-1 |
| Lampiran SR.2.1.1(J) | Borang Perubatan 1/09 - Permohonan Perubatan Bagi Ubat/Alat/Perkhidmatan Perubatan/Rawatan | 10-1 |
| Lampiran SR.2.1.1(K) | Borang Perubatan 2/09 - Permohonan Perubatan Bagi Rawatan Kecemasan Di Hospital/Klinik Swasta | 11-1 |
| Lampiran SR.2.1.1(L) | Borang Perubatan 3/09 - Permohonan Perubatan Bagi Rawatan Di Luar Negeri | 12-1 |
| CERAIAN SR.2.1.2 | Penanggunggan Kos Kemudahan Perubatan Bagi Pegawai Dan Pesara Yang Berkhidmat Di Bawah Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Dan Pihak Berkuasa Tempatan | 14 |
| <u>Pemansuhan Bayaran Wad Kepada Pegawai Dan Pesara Perkhidmatan Awam</u> | | |
| CERAIAN SR.2.2.1 | Pemansuhan Bayaran Wad Kepada Pegawai Dan Pesara Perkhidmatan Awam | 16 |
| <u>Surat Pengenalan Dan Akuan Bagi Pegawai Kerajaan Untuk Mendapat Rawatan Perubatan Di Hospital Atau Klinik Kerajaan</u> | | |
| CERAIAN SR.2.3.1 | Surat Pengesahan Diri Dan Pengakuan Pegawai Untuk Mendapat Rawatan Perubatan Di Hospital Atau Klinik Kerajaan | 18 |
| Lampiran SR.2.3.1 | Surat Pengesahan Diri Dan Pengakuan Pegawai | 1-1 |

PERKARA

MUKA
SURAT

Kemudahan Perlindungan Insurans Perjalanan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Ke Luar Negara/Negara Ketiga Atas Urusan Persendirian

| | | |
|-------------------------|--|-----------|
| CERAIAN SR.2.4.1 | Kemudahan Perlindungan Insurans Perjalanan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian | 20 |
| Lampiran SR.2.4.1 (A) | Amaun Perlindungan Insurans Perjalanan Yang Ditetapkan Oleh Kerajaan | 1-1 |
| Lampiran SR.2.4.1 (B) | Kadar Premium Bagi Perlindungan Insurans Perjalanan Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian | 2-1 |
| Lampiran SR.2.4.1 (C) | Borang Tuntutan Bayaran Balik Premium Perlindungan Insurans Perjalanan | 3-1 |

Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam

| | | |
|-------------------------|--|-----------|
| CERAIAN SR.2.5.1 | Perisytiharan Rekod Kesihatan Bagi Membudayakan Gaya Hidup Sihat Pegawai Awam | 25 |
| Lampiran SR.2.5.1 | Borang Permohonan Pemeriksaan Kesihatan Komprehensif | 1-1 |

Kemudahan Perubatan Untuk Ibu Bapa Yang Sah

| | | |
|-------------------------|--|-----------|
| CERAIAN SR.2.6.1 | Kemudahan Perubatan Untuk Ibu Bapa Yang Sah Kepada Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan | 28 |
|-------------------------|--|-----------|

PERKARA

**MUKA
SURAT**

| | | |
|-----------------------|--|-----|
| Lampiran SR.2.6.1 (A) | Surat Pengesahan Diri Dan Pengakuan Pesara | 1-1 |
| Lampiran SR.2.6.1 (B) | Proses Permohonan | 2-1 |

Kemudahan Perubatan Atas Asas Keperluan Perkhidmatan

| | |
|-------------------------|--|
| CERAIAN SR.2.7.1 | Kemudahan Pemberian Vaksin Atas Asas Keperluan Perkhidmatan |
| CERAIAN SR.2.7.2 | Kemudahan Pemeriksaan Kesihatan Atas Asas Keperluan Perkhidmatan |

Jejak Dokumen:

| Bil. | Ceraian (Tarikh Kemaskini /Batal) | Asal | Pindaan |
|------|--|---|---|
| 1. | SR.2.5.1 (6 September 2022) | <p><i>Pindaan 1:</i></p> <p>TAJUK CERAIAN</p> <p>“Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam”</p> | <p><i>Dipinda kepada</i></p> <p>“Perisytiharan Rekod Kesihatan Bagi Membudayakan Gaya Hidup Sihat Pegawai Awam”</p> |
| | | <p><i>Pindaan 2:</i></p> <p>Versi lama Ceraian SR.2.5.1 dibatalkan</p> | <p><i>Dipinda kepada</i></p> <p>Versi baharu Ceraian SR.2.5.1</p> <p>(Rujuk Surat Edaran JPA.(S).600-1/6/17 (45) bertarikh 6 September 2022).</p> |
| 2. | SR.2.1.1 (1 Disember 2024) | <p><i>Pindaan 3:</i></p> <p>TAFSIRAN KELUARGA PEGAWAI</p> <p>“keluarga pegawai” adalah merujuk kepada tafsiran sebagaimana yang ditetapkan dalam Perintah Am 1 (iii) Bab F Tahun 1974 seperti berikut:</p> <p>bagi pegawai lelaki, isteri dan anak-anaknya; dan bagi pegawai perempuan, suami dan anak-anaknya. Di mana ada disebutkan mengenai rawatan percuma yang boleh diberi kepada keluarga seseorang pegawai, maka anak-anak yang berkelayakan ialah anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh pegawai yang berumur di</p> | <p><i>Dipinda kepada</i></p> <p>“keluarga pegawai” adalah merujuk kepada tafsiran sebagaimana yang ditetapkan dalam Perintah Am 1 (iii) Bab F Tahun 1974 dengan penambahbaikan seperti berikut:</p> <p>“bagi pegawai lelaki, isteri dan anak-anaknya; dan bagi pegawai perempuan, suami dan anak-anaknya. Di mana ada disebutkan mengenai rawatan percuma yang boleh diberi kepada keluarga seseorang pegawai, maka anak-anak yang berkelayakan ialah anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh pegawai yang berumur di bawah 18 tahun; atau sekiranya masih mendapat pendidikan, tidak melebihi peringkat Ijazah Pertama atau</p> |

| Bil. | Ceraian (Tarikh Kemaskini /Batal) | Asal | Pindaan |
|------|--|---|---|
| | | <p>bawah 18 tahun; atau sekiranya masih bersekolah, di bawah 21 tahun. Walau bagaimanapun bagi anak-anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had-had umur ini tidak akan dipakai. Istilah ‘anak’ akan termasuk juga anak-anak tiri dan anak-anak angkat yang diambil mengikut undang-undang. Untuk tujuan pemberian rawatan percuma ini, balu seseorang pegawai juga akan dianggap sebagai keluarga pegawai selagi ia tidak berkahwin semula.</p> | <p>tidak melebihi umur 26 tahun mana yang terdahulu.</p> <p>Walaupun bagaimanapun bagi anak-anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had-had umur ini tidak akan dipakai. Istilah ‘anak’ akan termasuk juga anak-anak tiri dan anak-anak angkat yang diambil mengikut undang-undang.</p> <p>Untuk tujuan pemberian rawatan percuma ini, balu akan dianggap sebagai keluarga pegawai selagi tidak berkahwin semula.”</p> |
| 3. | SR.2.1.1 (1 Disember 2024) | <p>KELAYAKAN</p> <p>iv) balu (sekiranya tidak berkahwin semula)/ duda (atas sebab kematian isteri) dan anak-anaknya layak menerima kemudahan perubatan tidak kira sama ada kematian pegawai itu telah berlaku semasa pegawai sedang berkhidmat atau setelah bersara selaras dengan peruntukan Perintah Am 9 (a), Bab F Tahun 1974.</p> | |

| Bil. | Ceraian (Tarikh Kemaskini /Batal) | Asal | Pindaan |
|------|--|---|---------|
| 4. | SR.2.1.1 (1 Disember 2024) | <p>KELAYAKAN</p> <p>v) Bagi anak pegawai yang masih mendapat pendidikan tidak melebihi peringkat Ijazah Pertama atau tidak melebihi umur 26 tahun, kelayakan anak akan tamat mengikut keadaan-keadaan berikut tertakluk kepada yang mana terdahulu:</p> <p>(a) anak pegawai tamat/berhenti/ diberhentikan daripada pengajian Ijazah Pertama itu; atau</p> <p>(b) anak pegawai berkahwin tanpa mengambil kira had umur/ tahap pengajian; atau</p> <p>(c) anak pegawai mencapai umur 26 tahun.</p> | |
| 5. | SR.2.7.1 (1 Disember 2024) | “Kemudahan Pemberian Vaksin Atas Asas Keperluan Perkhidmatan” | - |
| 6. | SR.2.7.2 (1 Disember 2024) | “Kemudahan Pemeriksaan Kesihatan Atas Asas Keperluan Perkhidmatan” | - |



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA MALAYSIA

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri Semua
Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA

**KEMUDAHAN PERUBATAN
VERSI 1.0 (2022)**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) ini bertujuan memaklumkan mengenai kemudahan perubatan yang diperuntukkan kepada pegawai dan pesara serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan perubatan bagi Perkhidmatan Awam adalah sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perintah Am Bab F (Perubatan) Tahun 1974, pekeling, surat pekeling dan surat edaran.

3. Di samping itu, Kerajaan juga telah bersetuju supaya kemudahan perubatan dipanjangkan kepada ibu bapa yang sah dari segi undang-undang bagi pegawai dan pesara awam.

4. Kerajaan dalam Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) juga bersetuju agar kemudahan pemberian vaksin dan kemudahan pemeriksaan kesihatan diperuntukkan kepada pegawai awam atas asas keperluan perkhidmatan.

PELAKSANAAN

5. Kemudahan perubatan kepada pegawai-pegawai dan keluarga mereka yang jatuh sakit layak diberi kemudahan perubatan percuma di klinik/hospital Kerajaan. Sekiranya kemudahan tidak dapat diperolehi di klinik/hospital Kerajaan, kemudahan perubatan boleh diperolehi di klinik/hospital swasta atas tanggungan Kerajaan mengikut peraturan berkuat kuasa seperti berikut:

- i. Perbelanjaan bagi pembekalan ubat;
- ii. Perbelanjaan bagi pembekalan alat;
- iii. Perbelanjaan bagi perkhidmatan perubatan;
- iv. Perbelanjaan bagi rawatan penyakit buah pinggang;
- v. Perbelanjaan bagi rawatan kemandulan;
- vi. Perbelanjaan bagi rawatan kepakaran;
- vii. Perbelanjaan bagi rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) Sdn. Bhd.;
- viii. Perbelanjaan bagi rawatan kecemasan; dan
- ix. Perbelanjaan bagi rawatan luar negeri.

6. Kemudahan perubatan kepada pegawai-pegawai atas asas keperluan perkhidmatan layak diberi di klinik/hospital Kerajaan. Sekiranya kemudahan tidak dapat diperolehi di klinik/hospital Kerajaan, kemudahan perubatan tersebut boleh diperolehi di klinik/hospital swasta atas tanggungan Kerajaan mengikut peraturan berkuat kuasa seperti berikut:

- i. Perbelanjaan bagi kemudahan pemberian vaksin; dan
- ii. Perbelanjaan bagi kemudahan pemeriksaan kesihatan.

7. Peraturan mengenai pelaksanaan kemudahan perubatan dalam Perkhidmatan Awam diperincikan melalui tujuh (7) perkara seperti berikut:

| KOD CERAIAN | TEMA | |
|--------------------|---|---|
| SR.2.1 | Perbelanjaan Kemudahan Perubatan | |
| | Ceraian SR.2.1.1 | Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan yang meliputi sembilan (9) perkara berikut: <ol style="list-style-type: none">i. Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Pembekalan Ubat;ii. Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Pembekalan Alat;iii. Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Perkhidmatan Perubatan;iv. Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan Penyakit Buah Pinggang; |

| KOD CERAIAN | TEMA | |
|---------------|---|--|
| | | <p>v. Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan Kemandulan;</p> <p>vi. Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan Kepakaran;</p> <p>vii. Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) Sdn. Bhd.;</p> <p>viii. Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan Kecemasan; dan</p> <p>ix. Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan Luar Negeri.</p> <p><u>Borang Tuntutan</u></p> <p>i. Borang Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan Bagi Ubat/ Alat/ Perkhidmatan Perubatan/ Rawatan/Pemeriksaan Kesihatan/Vaksin (Borang 1/09)</p> <p>ii. Borang Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan Bagi Rawatan Kecemasan Di Klinik/ Hospital Swasta (Borang 2/09)</p> <p>iii. Borang Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan Bagi Rawatan di Luar Negeri (Borang 3/09)</p> |
| | Ceraian SR.2.1.2 | Penanggungangan Kos Kemudahan Perubatan Bagi Pegawai Dan Pesara Yang Berkhidmat Di Bawah Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan |
| SR.2.2 | Pemansuhan Bayaran Wad Kepada Pegawai Dan Pesara Perkhidmatan Awam | |
| | Ceraian SR.2.2.1 | Pemansuhan Bayaran Wad Kepada Pegawai Dan Pesara Perkhidmatan Awam |
| SR.2.3 | Surat Pengenalan Dan Akuan Bagi Pegawai Kerajaan Untuk Mendapat Rawatan Perubatan Di Hospital Atau Klinik Kerajaan | |
| | Ceraian SR.2.3.1 | Surat Pengenalan Dan Akuan Bagi Pegawai Kerajaan Untuk Mendapat Rawatan Perubatan Di Hospital Atau Klinik Kerajaan |

| KOD CERAIAN | TEMA | |
|-------------|--|---|
| SR.2.4 | Kemudahan Perlindungan Insurans Perjalanan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Ke Luar Negara/Negara Ketiga Atas Urusan Persendirian | |
| | Ceraian SR.2.4.1 | Kemudahan Perlindungan Insurans Perjalanan Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Untuk Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian |
| SR.2.5 | Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam | |
| | Ceraian SR.2.5.1 | Perisytiharan Rekod Kesihatan Bagi Membudayakan Gaya Hidup Sihat Pegawai Awam |
| SR.2.6 | Kemudahan Perubatan Untuk Ibu Bapa Yang Sah | |
| | Ceraian SR.2.6.1 | Kemudahan Perubatan Untuk Ibu Bapa Yang Sah Kepada Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan |
| SR.2.7 | Kemudahan Perubatan Atas Asas Keperluan Perkhidmatan | |
| | Ceraian SR.2.7.1 | Kemudahan Pemberian Vaksin Atas Asas Keperluan Perkhidmatan |
| | Ceraian SR.2.7.2 | Kemudahan Pemeriksaan Kesihatan Atas Asas Keperluan Perkhidmatan |

TARIKH BERKUAT KUASA

8. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) ini berkuat kuasa mulai **1 Disember 2024**.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuatkuasanya PPSM ini, Pekeliling Perkhidmatan (PP), Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) dan Surat Edaran (SE) seperti di **Lampiran I** adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

10. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, PPSM ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
 JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
 MALAYSIA

**Senarai Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan
dan Surat Edaran Yang Dibatalkan**

| Bil. | Tema | PP/SPP/SE Yang Dibatalkan |
|------|---------------------|--|
| 1. | Kemudahan Perubatan | <p>(i) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2015: Permohonan Perbelanjaan Bagi Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berada Di Luar Negara Atas Urusan Persendirian;</p> <p>(ii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2010: Pemansuhan Bayaran Wad kepada Pegawai dan Pesara Perkhidmatan Awam;</p> <p>(iii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009: Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan;</p> <p>(iv) Surat Edaran JPA.SARAAN(S)223/9/1(5) bertarikh 26 April 2019: Penjelasan Mengenai Penanggung Kos Kemudahan Perubatan Bagi Pegawai Dan Pesara Yang Berkhidmat Di Bawah Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan;</p> <p>(v) Surat Edaran JPA(S)187/20 Jld. 18(2) bertarikh 16 Januari 2019: Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berada Di Luar Negara Atas Urusan Persendirian;</p> <p>(vi) Surat Edaran JPA(S)187/20 Jld. 16(41) bertarikh 17 Ogos 2018: Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berada Di Luar Negara Atas Urusan Persendirian;</p> |

| Bil. | Tema | PP/SPP/SE Yang Dibatalkan |
|------|------|---|
| | | <p>(vii) Surat Edaran JPA.800-6/2/109(2) bertarikh 22 Disember 2017: Garis Panduan Kemudahan Perubatan Untuk Ibu Bapa Yang Sah Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berpencen;</p> <p>(viii) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017: Penambahbaikan Peraturan Pelaksanaan Kemudahan Perubatan dan Penjelasan Berhubung Rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.;</p> <p>(ix) Surat Edaran JPA.SARAAN(S)264/15/16-4 Jld. 14(18) bertarikh 30 Januari 2015: Pelaksanaan Penambahbaikan Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 bagi Pembekalan Alat Bantu Penglihatan Terhadap Disenaraikan sebagai Alat Bantuan Perubatan;</p> <p>(x) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1993: Pindaan kepada Surat Pengenalan dan Akuan bagi Pegawai Kerajaan Untuk Mendapat Rawatan Perubatan di Hospital atau Klinik Kerajaan (Perintah Am 25 Bab F);</p> <p>(xi) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1970: Bayaran Perawatan Yang Dikenakan Oleh Hospital Ke Atas Pegawai-Pegawai Yang Dalam Cuti Belajar Di Luar Negara;</p> <p>(xii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2003: Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam; dan</p> <p>(xiii) Versi lama Ceraian SR.2.5.1: Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam (Batal pada 6 September 2022)</p> |



PERMOHONAN PERBELANJAAN BAGI KEMUDAHAN PERUBATAN

TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan untuk melaksanakan peraturan permohonan perbelanjaan bagi kemudahan perubatan yang diperolehi oleh pegawai dan pesara serta ahli keluarga mereka yang berkeelayakan.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan perubatan bagi Perkhidmatan Awam adalah sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perintah-perintah Am Bab F (Perubatan) Tahun 1974, pekeliling, surat pekeliling dan surat edaran, menetapkan bahawa pegawai dan pesara serta ahli keluarga mereka yang berkeelayakan adalah layak diberi kemudahan perubatan percuma di klinik/hospital Kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya kemudahan perubatan yang diperlukan oleh seseorang pegawai atau pesara atau ahli keluarga mereka yang berkeelayakan tidak dapat diperolehi di klinik/hospital Kerajaan, kemudahan perubatan tersebut boleh diperolehi di klinik/hospital /agensi swasta atas tanggungan Kerajaan tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

PELAKSANAAN

Tafsiran

3. Dalam Ceraian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
- i) **“ibu bapa yang sah”** bermakna ibu kandung atau bapa kandung atau ibu tiri atau bapa tiri atau ibu angkat atau bapa angkat yang pertalian kekeluargaan adalah sah di sisi undang-undang;
 - ii) **“Jabatan”** termasuklah:
 - a) sesuatu Kementerian; dan
 - b) sesuatu Jabatan Persekutuan di peringkat persekutuan, wilayah, negeri atau daerah dalam Persekutuan;



- iii) “**keluarga pegawai**” adalah merujuk kepada tafsiran sebagaimana yang ditetapkan dalam **Perintah Am 1 (iii) Bab F Tahun 1974** dengan penambahbaikan seperti berikut:

“bagi pegawai lelaki, isteri dan anak-anaknya; dan bagi pegawai perempuan, suami dan anak-anaknya. Di mana ada disebutkan mengenai rawatan percuma yang boleh diberi kepada keluarga seseorang pegawai, maka anak-anak yang berkelayakan ialah anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh pegawai yang berumur di bawah 18 tahun; atau sekiranya masih mendapat pendidikan, tidak melebihi peringkat Ijazah Pertama atau tidak melebihi umur 26 tahun mana yang terdahulu.

Walau bagaimanapun bagi anak-anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had-had umur ini tidak akan dipakai. Istilah ‘anak’ akan termasuk juga anak-anak tiri dan anak-anak angkat yang diambil mengikut undang-undang.

Untuk tujuan pemberian rawatan percuma ini, balu akan dianggap sebagai keluarga pegawai selagi tidak berkahwin semula.”

- iv) “**Ketua Jabatan**” bermakna seseorang yang mengetuai sesuatu jabatan atau Ketua Perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkenaan. Bagi maksud untuk melaksanakan pemberian kemudahan perubatan yang diperuntukkan di bawah Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Ceraian ini, Ketua Jabatan untuk **pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan** ialah **Pengarah Bahagian Pencen**, Jabatan Perkhidmatan Awam;
- v) “**pegawai**” adalah merujuk kepada tafsiran sebagaimana yang ditetapkan dalam **Perintah Am 1 (vi) Bab F Tahun 1974** seperti berikut:

“mana-mana pegawai atau pesara dalam perkhidmatan Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri”.

Kelayakan

4. Kemudahan perubatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Ceraian ini secara keseluruhannya adalah **layak** diberikan kepada:

- i) **pegawai** awam lantikan **tetap, kontrak** (merujuk kepada pegawai lantikan secara *contract of service* di bawah **Ceraian UP.1.1.1** dan pindaannya dari



semasa ke semasa) dan **sementara**;

- ii) **pesara** awam di bawah Skim Pencen dan **pesara** Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara atas sebab-sebab berikut:
 - (a) bersara apabila mencapai opsyen umur bersara;
 - (b) atas sebab kesihatan;
 - (c) apabila jawatan yang dipegangnya dihapuskan;
 - (d) bagi maksud supaya organisasi jabatan di mana pegawai itu bekerja mudah diperbaiki;
 - (e) atas alasan bahawa pegawai ditamatkan atas sebab kepentingan awam; atau
 - (f) mati dalam perkhidmatan.
- iii) **ahli keluarga** seperti mengikut peruntukan **Perintah Am 1 (iii) Bab F (Perubatan) Tahun 1974** bagi pegawai dan pesara sebagaimana yang dijelaskan dalam perenggan (i) dan (ii) di atas.
- iv) balu (sekiranya tidak berkahwin semula)/ duda (atas sebab kematian isteri) dan anak-anaknya layak menerima kemudahan perubatan tidak kira sama ada kematian pegawai itu telah berlaku semasa pegawai sedang berkhidmat atau setelah bersara selaras dengan peruntukan Perintah Am 9 (a), Bab F Tahun 1974.
- v) anak pegawai yang masih mendapat pendidikan tidak melebihi peringkat Ijazah Pertama atau tidak melebihi umur 26 tahun. Kelayakan anak akan tamat mengikut keadaan-keadaan berikut tertakluk kepada yang mana terdahulu:
 - (a) anak pegawai tamat/ berhenti/ diberhentikan daripada pengajian Ijazah Pertama itu; atau
 - (b) anak pegawai berkahwin tanpa mengambil kira had umur/ tahap pengajian; atau
 - (c) anak pegawai mencapai umur 26 tahun.

5. Kemudahan perubatan ini adalah **dibenarkan** kepada **ibu bapa yang sah kepada pegawai dan pesara** awam, tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat dan peraturan-peraturan seperti berikut:



- i) pemberian kemudahan perubatan yang dibenarkan adalah terhad kepada ibu bapa yang sah bagi pegawai yang tertakluk di bawah Sistem Saraan Baru dan Sistem Saraan Malaysia sahaja;
- ii) **maklumat peribadi** mengenai ibu bapa yang sah yang layak diberi kemudahan perubatan yang dibenarkan di bawah Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Ceraian ini hendaklah dimaklumkan secara **rasm** kepada Ketua Jabatan dan **dicatatkan** di muka surat tiga (3) dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai mengikut format seperti berikut:

Nama Bapa kandung/ Tiri/ Angkat : _____
No. Kad Pengenalan : _____

Nama Ibu kandung/ Tiri/ Angkat : _____
No. Kad Pengenalan : _____
- iii) sebarang perubahan berkaitan dengan perenggan (ii) di atas hendaklah dimaklumkan semula secara rasmi kepada Ketua Jabatan;
- iv) pemberian kemudahan perubatan yang dibenarkan adalah terhad kepada ibu bapa yang sah yang **bermastautin di Malaysia** sahaja;
- v) **surat pengesahan** daripada Ketua Jabatan seseorang pegawai sama ada seperti mengikut penetapan di dalam **Ceraian SR.2.3.1** atau melalui aplikasi elektronik (contoh: aplikasi *Human Resource Management Information System* [HRMIS]) hendaklah dikemukakan kepada pihak hospital/klinik Kerajaan yang berkenaan semasa ibu bapa yang sah ingin mendapatkan kemudahan perubatan. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menentukan butir-butir yang dinyatakan di dalam surat pengesahan/aplikasi elektronik adalah **tepat** berdasarkan maklumat yang tercatat dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai;
- vi) **kelayakan wad** bagi ibu bapa yang sah adalah ditentukan berdasarkan kelayakan yang ditetapkan kepada pegawai;
- vii) ibu bapa yang sah yang terdiri daripada **pesara** Kerajaan seperti mengikut penetapan di perenggan 4 (ii) di atas boleh memilih untuk menggunakan



kemudahan rawatan perubatan mengikut kelayakan sebagai seorang pesara atau menggunakan kelayakan pegawai; dan

- viii) kemudahan perubatan yang **tidak dibenarkan** kepada ibu bapa yang sah adalah seperti berikut:
- (a) rawatan perubatan di luar negeri;
 - (b) rawatan bagi tujuan pencegahan penyakit;
 - (c) pembekalan semua jenis/ kategori alat; dan
 - (d) rawatan membuat *crowning*, gigi palsu dan rawatan ortodontik bagi tujuan *corrective measure* yang merupakan rawatan kosmetik.

Tatacara Permohonan Perbelanjaan

6. Kaedah dan syarat permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan yang diberikan bagi pegawai boleh dibahagikan mengikut sebelas (11) perkara utama seperti berikut:
- i) Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Pembekalan Ubat seperti di **Lampiran SR.2.1.1(A);**
Lampiran SR.2.1.1(B);
 - iii) Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Perkhidmatan Perubatan seperti di **Lampiran SR.2.1.1(C);**
 - iv) Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan Penyakit Buah Pinggang seperti di **Lampiran SR.2.1.1(D);**
 - v) Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan Kemandulan seperti di **Lampiran SR.2.1.1(E);**
 - vi) Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan Kepakaran seperti di **Lampiran SR.2.1.1(F);**
 - vii) Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) Sdn Bhd. seperti di **Lampiran SR.2.1.1(G);**
 - viii) Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan Kecemasan seperti di **Lampiran SR.2.1.1(H);** dan
 - ix) Panduan Permohonan Perbelanjaan bagi Rawatan di Luar Negeri seperti di



Lampiran SR.2.1.1(I).

- x) Kemudahan Pemberian Vaksin Atas Asas Keperluan Perkhidmatan seperti di **Ceraian SR.2.7.1.**
- xi) Kemudahan Pemeriksaan Kesihatan Atas Asas Keperluan Perkhidmatan seperti di **Ceraian SR.2.7.2.**

Tanggungjawab Ketua Jabatan

7. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan perkara-perkara berikut dilaksanakan dengan teratur:

- i) kelayakan permohonan mematuhi peruntukan **Perintah Am Bab F Tahun 1974** dan Ceraian ini;
- ii) tatacara pelaksanaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Ceraian ini dipatuhi;
- iii) syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi setiap permohonan pembiayaan perbelanjaan dipatuhi semasa mempertimbangkan permohonan pegawai/pesara;
- iv) maklumat dalam borang permohonan dan dokumen sokongan yang dikemukakan adalah lengkap dan tepat;
- v) butir perbelanjaan disokong dengan dokumen kewangan seperti resit, invoice, surat sebut harga atau dokumen kewangan lain yang berkaitan;
- vi) kelulusan adalah diberi bagi kos kemudahan perubatan yang tidak dapat diperolehi di klinik/hospital Kerajaan tertakluk kepada permohonan yang mematuhi **semua** syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Ceraian yang berkaitan, kecuali permohonan perbelanjaan bagi rawatan di luar negeri;
- vii) pembayaran yang dibuat kepada pemohon bagi kos kemudahan perubatan yang tidak dapat diperolehi di klinik/hospital Kerajaan berdasarkan **tatacara dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa**;
- viii) kelulusan bagi permohonan perbelanjaan untuk pembekalan/ penggantian/baik pulih alat yang berharga **melebihi daripada RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu)** direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan/ fail pesara;
- ix) merujuk kepada Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP), Kementerian



Kesihatan Malaysia (KKM)/ Pengarah Hospital Universiti/ Pengarah Hospital Angkatan Tentera Malaysia, bagi tatacara pelaksanaan yang memerlukan perakuan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia atau sokongan KKM/Pengarah Hospital Universiti/Pengarah Hospital Angkatan Tentera Malaysia; dan

- x) merujuk kepada BPP, KKM/ Pengarah Hospital Universiti/ Pengarah Hospital Angkatan Tentera Malaysia sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai jenis ubat.

PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya Ceraian ini, Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Edaran seperti di bawah adalah **dibatalkan**:

- (i) [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009](#): Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan;
- (ii) [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017](#): Penambahbaikan Peraturan Pelaksanaan Kemudahan Perubatan dan Penjelasan Berhubung Rawatan Di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.; dan
- (iii) [Surat Edaran JPA.SARAAN\(S\)264/15/16-4 Jld. 14\(18\) bertarikh 30 Januari 2015](#): Pelaksanaan Penambahbaikan Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 Bagi Pembekalan Alat Bantu Penglihatan Terhadap Disenaraikan Sebagai Alat Bantuan Perubatan.

PEMAKAIAN

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**